

Arahan: Jawab **semua** soalan

Bahagian A

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.



1. Pelayan restoran itu sedang _____ makanan untuk pelanggannya.
 - A. menjulang
 - B. menatang
 - C. mengangkat
 - D. menjunjung
2. Perjumpaan Hari Keluarga diadakan bertujuan agar ahli-ahlinya dapat _____ antara satu sama lain.
 - A. tahu-menahu
 - B. tengok-menengok
 - C. soal-menyual
 - D. kenal-mengenal
3. Badannya kelihatan _____ akibat tidak lalu makan selama beberapa hari.
 - A. kecut
 - B. surut
 - C. susut
 - D. Lurut

Soalan 12 hingga soalan 13

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

12. "Wah, cantik sungguh lukisan-lukisan yang dipamerkan itu," kata Wahidah kepada Jamilah.
- A Wahidah memuji kecantikan lukisan-lukisan yang dipamerkan ini kepada Jamilah.
B Wahidah memberitahu Jamilah bahawa dia terpegun melihat lukisan-lukisan yang dipamerkan itu.
C Dengan perasaan hairan, Wahidah menyatakan kepada Jamilah bahawa lukisan-lukisan yang dipamerkan itu sangat cantik.
D Dengan perasaan kagum, Wahidah memberitahu Jamilah tentang kecantikan lukisan-lukisan yang dipamerkan itu.
13. Melalui Program Khidmat Negara itu, mereka bukan sahaja memperoleh pengetahuan bahkan memperoleh pengalaman yang amat berguna.
- A Memperoleh pengetahuan dan pengalaman amat berguna kepada para pelajar yang menyertai Program Khidmat Negara.
B Disamping pengetahuan tentang Program Khidmat Negara itu, mereka memperoleh pengalaman yang berguna juga.
C Selain mendapat pengetahuan tentang Program Khidmat Negara itu, mereka mendapat pengalaman yang berguna juga daripadanya.
D Bukan sahaja pengetahuan malah pengalaman yang berguna juga dapat diperoleh apabila mereka menyertai Program Khidmat Negara.

Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang betul.

14. I Para pelajar harus meningkatkan disiplin diri mereka.
II Hakim menjatuhkan perompak itu hukuman penjara selama enam tahun.
III Perabot ini sangat mahal kerana ia diimport dari Jerman
IV Kila mestilah yakin agar Tuhanlah yang menentukan segala-galanya.

- | | |
|--------------------|---------------------|
| A I dan II sahaja | C II dan IV sahaja |
| B I dan III sahaja | D III dan IV sahaja |

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berikut.

- 

"Mengapa, Oren?" Dia tidak tahu akan sebabnya dia menanyakan soalan itu tetapi dia dapat merasakan perasaan yang sayu setiap kali mata Oren dan matanya bertemu. Dia cuba untuk menepis perasaan sayu dan bersalah kerana mengabaikan Oren setelah kehadiran Kelabu.

Dia membawa Oren ke ruang tamu rumahnya semula. Sambil duduk di sofa dia membelai-belai Oren dengan manja. Dia mencuba untuk berbual-bual dengan Oren, iaitu perbuatan yang jarang-jarang dilakukannya. Oren membalasnya dengan mengiau-ngiau.

Aku melihat ayah terpinga-pinga keluar dari biliknya lantas ke ruang tamu. Ayah bertanya tentang Oren. Aku mengatakan bahawa aku tidak melihat kelibat Oren pada pagi itu. Ayah seakan-akan baru tersedar sambil menggeleng kepalanya beberapa kali.

Di meja makan pada pagi itu ayah bercerita kepada kami bahawa dia bermimpi Oren pulang ke rumah semalam, dan hampir semalaman Oren bersama-sama dengan ayah di ruang tamu.

Tiba-tiba Anis muncul di ruang dapur. Kami semua terperanjat kerana di tangannya ialah Oren yang kami tunggu kepulangannya tetapi pada saat itu Oren sudah tidak bernyawa lagi. "Anis jumpa Oren di celah pokok tua yang tumbang semalam di taman permainan." Sebaik-baik sahaja habis kenyataan itu, mata kami sekeluarga terus tertumpu kepada ayah. Ketika itu mata ayah mulai berkaca.



Kunci Kata

- menepis – mengelakkan
- terpinga-pinga – tercengang-cengang kerana hairan
- berkaca – bersinar
- kelibat – rupa sesuatu yang kelihatan sepintas lalu

(Dipetik daripada cerpen 'Oren', antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Dewan Bahasa dan Pustaka)

18. Peribahasa yang tepat untuk menggambarkan pengakhiran petikan di atas ialah

- A nasi sudah menjadi bubur
- B air susu dibalas dengan tuba
- C api kecil baik dipadamkan
- D anak harimau jangan dibela pelihara

19. Mengapakah 'dia' berasa bersalah setiap kali menatap mata oren?

- A sering memarahi Oren
- B langsung tidak menyayangi oren
- C mengabaikan Oren setelah adanya Kelabu
- D memelihara Kelabu bagi menggantikan Oren

20. Yang berikut merupakan nilai yang terdapat dalam petikan, kecuali

- A belas kasihan
- B bersimpati
- C keprihatinan
- D kebijaksanaan

21. Yang berikut merupakan peristiwa yang berlaku di meja makan pagi itu, kecuali

A ayah bercerita bahawa dia bermimpi tentang Oren.

B Anis yang muncul secara tiba-tiba di ruang dapur

C ayah kelihatan sebak setelah mengetahui Oren sudah tidak bernyawa lagi

D Anis memberitahu semua yang ada di dapur bahawa Oren ditemui selamat di taman permainan.